

Headline	Raja Nazrin sampai titah ucaptama Seminar Institusi Raja		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	31 May 2013	Language	Malay
Circulation	197,952	Readership	833,287
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	14	ArticleSize	157 cm ²
AdValue	RM 3,103	PR Value	RM 9,309



Raja Nazrin sampai titah ucaptama Seminar Institusi Raja

ARAU 30 Mei - Raja Muda Perak, Raja Dr. Nazrin Shah berkenan menyampai titah ucaptama dalam Seminar Institusi Raja (Siraj) 2013 yang pertama kali dianjurkan Universiti Malaysia Perlis (Unimap) di Lanai Kijang, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur pada 5 dan 6 Jun ini.

Naib Canselor UniMAP, Prof. Datuk Dr. Kamarudin Hussin berkata, seminar itu bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat khususnya generasi muda mengenai pentingnya institusi raja di negara ini.

Menurut beliau, penekanan itu memandang semakin banyak pihak sejak kebelakangan ini tidak menyedari kepentingan dan kedudukan raja dalam Perlembagaan.

“Menerusi pendekatan ini, kita berharap masyarakat sedar tentang betapa pentingnya institusi ini,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar sempena seminar berkenaan di Kampus Induk UniMAP di Pauh, di sini hari ini.

Yang turut hadir, pakar sejarah, Prof. Datuk Dr. Ramlah Adam.

Kamarudin menjelaskan, lebih 400 peserta terdiri daripada pelajar institusi pengajian tinggi (IPT), anggota tentera dan polis serta pegawai kerajaan dan swasta dijangka menyertai seminar tersebut.

Tambahnya, seminar itu akan menyaksikan Mufti Perak, Tan Sri Dr. Ha-

russani Zakaria, pakar sejarah Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Datuk Dr. Zainal Kling, bekas Mufti Johor, Datuk Nooh Gadot akan membentangkan kertas kerja masing-masing.

Sementara itu, Ramlah yang mengetuai Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia berkata, seminar tersebut merupakan program pertama badan berkenaan sebagai tempat rujukan mendapatkan maklumat mengenai institusi raja.

Menurutnya, program seumpama itu akan dianjurkan dari semasa ke semasa bertujuan mendidik masyarakat menghormati institusi raja sebagaimana kedudukannya dalam Perlembagaan.



KAMARUDIN HUSSIN



RAJA DR. NAZRIN SHAH